

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 AUGUST 2016

Sultan Ibrahim tegur Dr. Mahathir

# Jahil tentang sejarah Johor

Um - 26/8/2016

Oleh **HUSSAINI AMRAN**

[hussaini.amran@utusan.com.my](mailto:hussaini.amran@utusan.com.my)

■ KUALA LUMPUR 25 OGOS

**S**ULTAN Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menegur Tun Dr. Mahathir Mohamad berikutan pandangan bekas Perdana Menteri itu yang tidak bersetuju dengan gagasan bangsa Johor.

Baginda bertitah, pandangan Dr. Mahathir tersebut menggambarakan beliau jahil tentang sejarah Johor.

Titah Sultan Ibrahim, moyang baginda, Sultan Sir Ibrahim pada 1920 secara lantang membuat seruan meminta bangsa Johor bersatu di bawah satu bendera bagi mempertingkatkan kerjasama, keharmonian dan kedamaian.

“Tiada bangsa atau individu yang dipinggirkan. Seruan baginda terbukti benar.

“Gagasan bangsa Johor telah bermula sebelum Dr. Mahathir di-

lahirkan. Dr. Mahathir tidak tahu apa yang beliau katakan,” titah baginda seperti dipetik daripada laporan akhbar *The Star* hari ini.

Dr. Mahathir semasa ditanya selepas majlis Wacana ke-20 Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya semalam, mendakwa konsep tersebut mempromosikan semangat kenegerian berbanding kebangsaan serta menggalakkan rasa bangga diri yang tidak sihat.

Sultan Ibrahim bertitah, tindakan Dr. Mahathir itu mengakibatkan perpecahan dalam kalangan rakyat termasuk orang Melayu, berbeza dengan usaha baginda menyatupadukan seluruh rakyat di negara ini.

Titah baginda, Dr. Mahathir sepatutnya faham bahawa setiap negeri mempunyai identiti unik yang menjadi kebanggaan tetapi itu bukan bermaksud negeri-negeri terbabit ingin keluar daripada Persekutuan.

“Perkara itu hanyalah khayalan Dr. Mahathir. Beliau sedang menjolok sarang tebuhan dan saya menasihatkan beliau supaya tutup mulut,” titah baginda.

Sultan Ibrahim bertitah, Dr. Mahathir dikenali seorang tokoh yang cenderung melakukan konfrontasi yang menjurus kepada perpecahan, khususnya melalui dasar luarnya.

“Beliau berselisih faham dengan ramai pemimpin dunia termasuk di negara jiran kita, Singapura serta meletakkan Malaysia dalam keadaan sukar.

“Sekarang beliau bercakap tentang soal perpaduan tanpa sedikit pun rasa bersalah,” titah baginda.

Titah baginda, Dr. Mahathir merupakan punca masalah yang sedang dihadapi negara ini dan tidak berhak campur tangan dalam urusan Johor.

“Saya tidak akan bertolak ansur dengan kelakuannya,” titah baginda.



**Gagasan bangsa Johor telah bermula sebelum Dr. Mahathir dilahirkan. Dr. Mahathir tidak tahu apa yang beliau katakan,”**

**SULTAN IBRAHIM  
SULTAN ISKANDAR  
Sultan Johor**